

30 NOV 1999
Pas-Kelantan (Fokus)
KELANTAN TERUS DI TANGAN PAS

KUALA LUMPUR, 30 Nov (Bernama) -- Rakyat Kelantan sekali lagi memilih untuk terus di bawah pemerintahan PAS dengan menolak Barisan Nasional pada pilihan raya umum semalam.

Dengan keputusan itu, PAS berjaya mempertahankan kedudukannya sebanyak tiga penggal berturut-turut bermula pada tahun 1990.

Kali ini PAS memperbaiki lagi kedudukannya dengan memenangi 41 daripada 43 kerusi Dewan Undangan Negeri dan 10 daripada 14 kerusi Parlimen. Dua lagi kerusi DUN dimenangi BN manakala tiga daripada baki empat kerusi Parlimen dimenangi rakan PAS dalam barisan alternatif, Keadilan, dan satu lagi oleh BN.

Pada pilihan raya umum 1995, PAS memenangi 24 kerusi Dewan Undangan Negeri dan enam kerusi Parlimen, sementara rakan kerjasamanya dalam Angkatan Perpaduan Ummah, Parti Melayu Semangat 46 (S46) pimpinan bekas Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah memperolehi 12 kerusi DUN dan enam kerusi Parlimen.

Apabila S46 dibubarkan pada 1996, dua daripada anggota DUN-nya menyertai PAS dan yang lain-lain, termasuk anggota Parlimennya menurut jejak langkah Tengku Razaleigh menyertai Umno.

Antara tokoh-tokoh Umno yang menang sama ada atas tiket BN atau S46 pada 1995 tetapi ditewaskan pada kali ini ialah Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamad, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Ibrahim Ali.

Sebelum pilihan raya umum 1990, Kerajaan negeri Kelantan diterajui BN selama kira-kira 12 tahun sejak ia berjaya menumbangkan kerajaan PAS pada pilihan raya negeri 1978. PAS sebelum itu telah berkuasa di negeri itu sebanyak empat penggal berturut-turut sejak pilihan raya umum pertama selepas Merdeka pada 1959.

Keputusan pilihan raya semalam hampir mengulangi apa yang dialami PAS pada tahun 1978. Pada pilihan raya negeri yang diadakan berasingan daripada negeri-negeri lain pada Mac tahun itu, PAS pertama kali sejak berkuasa di Kelantan pada 1959 hanya menang di dua daripada 36 kerusi DUN sementara pada pilihan raya umum beberapa bulan selepas itu PAS hanya menang satu daripada 12 kerusi Parlimen.

Keputusan pilihan raya semalam jelas menunjukkan bahawa rakyat di negeri itu masih terus mahu berada di bawah pemerintahan parti pembangkang itu dan menolak komitmen tinggi pemimpin-pemimpin Barisan Nasional untuk membawa Kelantan berpindah ke dalam arus pembangunan perdana negara.

Pemimpin-pemimpin besar BN tidak henti-henti turun padang sepanjang kempen pilihan raya itu membawa ikrar mahu membangunkan negeri yang boleh dianggap termundur daripada segi pembangunan itu. Mereka termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan menteri-menteri kabinet.

Bagi membuktikan keikhlasan janji serta komitmen itu, Dr Mahathir sendiri, walaupun dalam keadaan kesihatan yang terganggu, masih terus berkunjung ke negeri itu dua hari sebelum hari mengundi bagi memulakan kerja pecah tanah pembinaan jambatan ketiga sungai Kelantan, melancar rancangan tebatan banjir lembangan sungai itu serta meletakkan batu asas Pusat Ekonomi Islam Kelantan.

Ketiga-tiga projek yang menelan belanja beratus-ratus juta ringgit itu jika dilaksanakan berupaya menjana ribuan peluang pekerjaan, satu keperluan yang begitu mendesak di Kelantan sepanjang ditadbir PAS.

Keputusan itu juga menampakkan seolah-olah rakyat negeri itu lebih rela

tidak mempunyai wakil yang lebih besar untuk menyalurkan pelbagai rintihan mereka ke pengetahuan kerajaan pusat.

Keputusan itu juga sudah pasti menghampakan harapan sebahagian lagi rakyat Kelantan yang mahu melihat penampilan semula Tengku Razaleigh pada persada politik kebangsaan dengan peranan yang lebih besar.

Bagi mereka Tengku Razaleigh dilihat sebagai seorang tokoh yang mempunyai potensi untuk melangkah lebih tinggi, hatta ke peringkat Perdana Menteri pada suatu masa kelak.

Bagaimanapun, penyokong-penyokong BN itu tidak seharusnya terlalu bermuram durja dengan kekalahan dan ketidakupayaan mencapai hasrat itu kerana di sebalik ketokohan dan kewibawaannya yang diakui umum selama ini, Tengku Razaleigh sendiri tidak mempunyai "lampu Aladdin" untuk mengubah keadaan dalam sekelip mata.

Harus diakui penampilan semula Tengku Razaleigh sebagai Ketua Perhubungan Umno negeri itu kira-kira lima bulan yang lalu adalah agak terlambat dalam keadaan tarikh bagi pilihan raya umum semalam sudah begitu hampir.

Tentulah dalam masa yang begitu suntuk beliau tidak akan berupaya untuk mengubati pelbagai "penyakit" yang melanda Umno negeri itu sejak sekian lama.

Umno Kelantan dilanda penyakit berpecah-belah di kalangan pemimpinnya sebaik saja Tengku Razaleigh tidak lagi memegang jawatan ketua perhubungannya pada 1984 setelah menjawat jawatan itu sejak 1972.

Keadaan menjadi bertambah buruk apabila beliau enggan menyertai Umno baru dan menubuhkan parti S46, setelah Umno lama dibatalkan pendaftarannya apabila keputusan pemilihan parti itu pada 1987 dipertikaikan di mahkamah.

Tanda-tanda pertautan kembali permuafakatan di kalangan pemimpin Umno negeri itu mula kelihatan sejak kebelakangan ini sebaik saja Tengku Razaleigh dilantik oleh Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk mengambil alih jawatan ketua perhubungan yang disandangnya (Dr Mahathir) sebelum itu.

Segala-galanya belum berakhir bagi BN. Berilah peluang secukupnya kepada Tengku Razaleigh untuk membentuk sebuah barisan kepimpinan dan keanggotaan Umno yang lebih mantap bagi meneruskan perjuangan yang belum selesai.

-- BERNAMA
AM NMO